

Sikap dan Pencapaian Pelajar Sekolah Swasta Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Teknologi Digital

Simah Mamat*, Che Aleha Ladin, Mohd Hijasri Hassim, Billy Meredan & Mashariana Casrin Frizzlin Manggang

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Pelajar pada hari ini telah banyak didedahkan dengan pelbagai teknologi moden yang serba canggih dalam pelbagai aktiviti, termasuklah aktiviti pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta di Kuala Lumpur dalam mempelajari Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Kajian ini juga ingin melihat perbezaan dan hubungan antara jantina dengan sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta dalam mempelajari Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini melibatkan 76 orang sampel yang telah dipilih daripada lima buah kelas di sebuah sekolah menengah swasta di Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan tahap sikap pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital berada pada tahap yang sederhana. Tahap pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital juga berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara sikap dengan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Implikasi kajian adalah pembelajaran berbantuan teknologi digital memberi kesan positif kepada sikap dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Guru dan murid perlu sentiasa didedahkan dengan latihan dan kursus bagi mengintegrasikan teknologi digital secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: Sikap, Pencapaian, Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Teknologi Digital

ABSTRACT

Students nowadays have been extensively exposed to a variety of sophisticated modern technologies in various activities, including in learning activities. This research studies the attitude and achievement of private school students in Kuala Lumpur, particularly in learning the Malay language with the aid of digital technology. This research also studies the differences and the relations between gender with the student's attitude and achievement in learning the Malay language with the aid of digital technology. This is a quantitative research using survey method where questionnaire was used as data collection instrument. In this research, 76 study samples were selected from five classes in a private secondary school in Bukit Damansara, Kuala Lumpur. The findings showed that the level of private school students' attitudes toward learning the Malay language with the aid of digital technology is at a medium level. The level of achievement of private school students in the learning of Malay language with the aid of digital technology is at a medium level. The findings also showed that there is a strong-positive relationship between attitude and achievement of students from private schools in the teaching and learning of Malay with the aid of digital technology. The implication of the study is that the digital technology has positively affected student attitudes and achievement in learning Malay language. Teachers and students need to be constantly exposed to training and courses to allow continuous integration of digital technology in the teaching and learning.

Keywords: Attitude, Achievement, Teaching and Learning in Malay Language, Digital Technology

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi yang pesat pada masa kini membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku secara digital atau maya. Kemajuan teknologi telah memberi kesan yang besar ke atas anjakan perubahan sistem dan pengurusan pendidikan di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu perlu memanfaatkan kemudahan teknologi yang serba canggih ini.

* Corresponding author: simah@um.edu.my

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

Thulasimani Munohsamy (2014) turut menyatakan kewujudan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) banyak membantu dalam PdP. Kemajuan teknologi telah memberi kesan yang besar ke atas anjakan perubahan sistem dan pengurusan pendidikan di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. A. Razak Ahmad (2011) menyatakan kewujudan TMK mampu meningkatkan pengurusan dan pentadbiran negara ke arah yang lebih sistematik serta teratur. Tambahan pula, penubuhan Revolusi Industri 4.0 sudah pastinya akan memacu Malaysia menjadi negara yang berdaya maju dan kompetitif sesuai dengan cabaran globalisasi dan era teknologi maklumat.

Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff dan Norzaliza Ghazali (2017) menyatakan bahawa penggunaan multimedia interaktif dalam PdP kursus bahasa Melayu Pengurusan amat berkesan dan berjaya mewujudkan suasana yang lebih berinovasi. Pendidik atau pensyarah memainkan peranan penting dalam menjana pemikiran para siswa untuk mempunyai daya imaginasi yang tinggi serta kreatif dalam proses pembelajaran. Kepelbagaian teknologi yang wujud sebenarnya mampu digunakan ke arah yang lebih positif dan berkesan dalam persekitaran proses PdP.

Selain itu, Abdul Rasid dan Hasmah (2013) menyatakan bahawa guru-guru mempunyai sikap yang positif dan berkeyakinan tinggi terhadap kebolegunaan dan kesesuaian pembelajaran yang menyeronokkan dalam PdP Bahasa Melayu. Penggunaan multimedia dalam PdP menggalakkan pelajar untuk lebih menumpukan perhatian. Tambahan pula, PdP abad ke-21 memerlukan pelajar yang aktif, kreatif dan inovatif serta mempunyai keupayaan dalam menyelesaikan masalah secara sistematik. Justeru itu, sistem pendidikan masa kini menerapkan elemen-elemen TMK dalam proses PdP. Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari dan Kesavan Nallaluthan (2021) berpendapat bahawa penerapan teknologi dan maklumat dalam PdP memberi satu anjakan paradigma kepada kemahiran pedagogi guru yang lebih baru.

Seterusnya, Auzar (2012) mendapati bahawa penggunaan alat bantu seperti komputer dalam pembelajaran membaca lebih berkesan berbanding dengan pembelajaran membaca secara tradisional. Penggunaan perisian dalam pembelajaran membaca telah berjaya meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar. Justeru itu, PdP Bahasa Melayu perlu mengalami perubahan terutamanya dari aspek pedagogi guru. Hal ini berikutan dengan pendidikan masa kini yang memerlukan PdP menerapkan teknologi. Perkara ini turut disokong oleh Siti Aminah dan Fazlinda (2018) yang menyatakan strategi pengajaran yang kini telah mengalami perubahan yang ketara berbanding dengan strategi pengajaran yang beberapa dekad lalu. Guru memainkan peranan yang penting sebagai pemudahcara untuk menggalakkan pelajar mempunyai minat dalam menyertai proses PdP.

Kekurangan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah penggunaan kaedah pengajaran secara tradisional yang masih digunakan oleh guru di sekolah. Pernyataan ini disokong oleh Nur Shahirah dan Zamri Mahamod (2021), yang menyatakan guru Bahasa Melayu mempunyai kesukaran menukar gaya pengajaran daripada menggunakan kaedah tradisional yang lebih berpusatkan guru terutamanya dalam PdP komponen sastera (KOMSAS). Jamilah dan Zamri (2016) turut menyatakan guru mempunyai kesukaran untuk mengubah corak pengajaran secara tradisional iaitu berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Pendekatan PdP berpusatkan guru yang digunakan akan menyebabkan pelajar mudah hilang fokus dan berasa bosan. Oleh itu, PdP Bahasa Melayu perlu memanfaatkan kemudahan teknologi yang serba canggih ini. Proses PdP Bahasa Melayu boleh diterapkan dengan elemen-elemen teknologi bagi membangkitkan suasana PdP yang menarik.

Justeru itu, guru Bahasa Melayu perlu mengambil peluang dengan memanfaatkan penggunaan teknologi yang canggih dalam PdP. Chaw Le Yee dan Suziyani Mohamed (2021) menyatakan bahawa guru yang mempunyai ilmu dan kemahiran dalam mereka kaedah PdP akan membantunya dalam membina bahan bantu mengajar seperti multimedia atau hipermedia. Justeru itu, pelajar akan lebih berminat ketika PdP Bahasa Melayu dijalankan. Tambahan pula, penggunaan multimedia akan membantu dalam mewujudkan suasana PdP yang lebih menyeronokkan serta kondusif. Menurut Putra (2018), bahan PdP yang disampaikan dengan menggunakan media merangkumi beberapa elemen multimedia seperti teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video.

Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan lagi bahawa penggunaan teknologi atau alat bantu mengajar banyak menyumbang ke arah peningkatan pencapaian pelajar dalam pelajaran. Hal ini disokong oleh Fazillah Mohamed dan Tengku Nurhudah (2020) berpendapat bahawa penggunaan TMK memberi kesan positif terhadap hasil pencapaian pelajar. Penggunaan TMK merupakan kemahiran abad ke-21 yang penting dalam menggalakkan pembelajaran sendiri, meningkatkan pengetahuan, memberi motivasi dan membantu membina keyakinan pelajar (Fazillah Mohamed & Tengku Nurhudah, 2020). Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa teknologi memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar dalam penulisan, pembacaan dan penuturan. Selain itu, teknologi juga membantu pelajar memperoleh maklumat dengan lebih berkesan. Hal ini berlaku sedemikian kerana kesan daripada pemerolehan maklumat menerusi deria penglihatan adalah peratusan yang terbesar berbanding menerusi cara yang lain.

Secara keseluruhannya, kemajuan teknologi masa kini banyak membantu pembangunan sektor-sektor penting dalam negara terutamanya sektor pendidikan. Pengaplikasian teknologi maklumat dalam sektor pendidikan akan menjadikan sistem pendidikan lebih efektif dan efisien. Penggunaan teknologi maklumat juga dilihat mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelajar. Hal ini berikutan kerana pelajar cenderung meminati pembaharuan yang dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka. Walau bagaimanapun, guru perlu mahir dalam mengendalikan penggunaan teknologi untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Perkara ini akan menarik lagi minat dan fokus pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya dalam Bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan pencapaian pelajar-pelajar sekolah swasta di Kuala Lumpur dalam mempelajari Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Kajian ini turut menekankan kepada perbezaan dan hubungan antara jantina dengan sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta dalam mempelajari Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti tahap sikap pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.
2. mengenal pasti tahap pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.
3. mengenal pasti perbezaan tahap sikap antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.
4. mengenal pasti perbezaan tahap pencapaian antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.
5. mengenal pasti hubungan antara sikap dengan pencapaian pelajar sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk menjalankan kajian ini. Antara persoalan kajian adalah:

1. Sejauh manakah tahap sikap pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital?
2. Sejauh manakah tahap pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara:
 - i. tahap sikap antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di sekolah swasta dalam pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital?
 - ii. tahap pencapaian antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di sekolah swasta dalam pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital?
4. Adakah terdapat hubungan antara sikap dengan pencapaian pelajar sekolah swasta dalam pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian bentuk kuantitatif yang dilakukan melalui kaedah tinjauan. Data bagi kajian ini dikumpul melalui instrumen soal selidik yang menggunakan skala likert lima mata. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi daripada kajian Zaliza Mohamad Nasir (2014) dan telah melalui proses kesahan dengan menggunakan khidmat tiga orang pakar yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang ini. Bagi proses kebolehppercayaan instrumen pula, nilai *Cronbach Alpha* yang dicatatkan adalah 0.897. Instrumen soal selidik yang digunakan memiliki 27 item untuk dilengkapkan serta dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A terdiri daripada soalan berkaitan latar belakang responden manakala Bahagian B dan Bahagian C merangkumi aspek sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Soal selidik bagi kajian ini dijalankan secara dalam talian.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat tambahan melalui bahan-bahan seperti buku ilmiah, jurnal dan artikel. Di samping itu, kemudahan internet dimanfaatkan untuk

melayari laman sesawang berkenaan perkara yang dikaji serta memuat turun bahan-bahan yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan.

Populasi dan Persampelan Kajian

Lokasi yang dipilih untuk menjalankan kajian ini adalah di sebuah sekolah swasta di Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Jumlah populasi yang terdapat dalam lokasi kajian ini adalah seramai 160 orang yang mewakili lima buah kelas Tahun 10. Daripada jumlah populasi tersebut, seramai 76 orang telah dipilih menjadi sampel kajian. Pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan teknik persampelan rawak bertujuan. Sampel kajian yang dipilih terdiri daripada pelbagai bangsa seperti bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Di samping itu, pemilihan bagi sampel kajian ini adalah berdasarkan gred Peperiksaan Akhir Tahun yang diperolehi. Selain itu, ia bertujuan untuk menguji kefahaman bahasa mereka kerana mereka bakal menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada masa akan datang.

Analisis Data

Data yang diperolehi melalui instrumen soal selidik dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk mengenal pasti tahap sikap dan pencapaian pelajar. Analisis deskriptif digunakan untuk mencari nilai taburan min, mod, median dan sisihan piawai. Profil demografi responden juga diuraikan menggunakan analisis deskriptif. Bagi melihat perbezaan tahap sikap dan pencapaian pelajar lelaki dan pelajar perempuan pula, T-test digunakan. Untuk mengkaji hubungan antara sikap dan pencapaian pelajar pula, pengkaji telah melakukan ujian korelasi Pearson.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini akan membincangkan tahap sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Seterusnya, pengkaji akan membincangkan perbezaan sikap dan pencapaian pelajar lelaki dan perempuan serta hubungan antara sikap dan pencapaian terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.

Sikap Pelajar

JADUAL 4.3.2

Sikap Pelajar Sekolah Swasta Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Teknologi Digital

Item	Pernyataan	Skala					Min	Sisihan Piawai
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju		
1	Saya bersungguh-sungguh mempelajari Bahasa Melayu.	6 (7.9%)	15 (19.7%)	26 (34.2%)	24 (31.6%)	5 (6.6%)	3.09	1.05
2	Saya minat belajar Bahasa Melayu.	11 (14.5%)	13 (17.1%)	27 (35.5%)	22 (28.9%)	3 (3.9%)	2.91	1.10
3	Saya menumpukan perhatian di dalam kelas Bahasa Melayu dengan menggunakan Schoology.	4 (5.3%)	12 (15.8%)	25 (32.9%)	25 (32.9%)	10 (13.2%)	3.33	1.06
4	Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu dengan menggunakan Schoology	1	9	21	29	16	3.66	0.99

5	Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.	(1.3%)	(11.8%)	(27.6%)	(38.2%)	(21.1%)		
		7	7	25	28	9	3.33	1.10
6	Saya tertarik hati dengan mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan Schoology.	(9.2%)	(9.2%)	(32.9%)	(36.8%)	(11.8%)		
		10	19	32	14	1	2.70	0.97
7	Belajar topik-topik di dalam BM menggunakan schoology telah menjadi hobi saya.	(13.2%)	(25.0%)	(42.1%)	(18.4%)	(1.3%)		
		35	22	17	1	1	1.83	0.91
8	Saya suka belajar Bahasa Melayu kerana mata pelajaran ini sangat penting.	(46.1%)	(28.9%)	(22.4%)	(1.3%)	(1.3%)		
		15	11	30	16	4	2.78	1.15
9	Saya berusaha bersungguh-sungguh tidak gagal Bahasa Melayu.	(19.7%)	(14.5%)	(39.5%)	(21.1%)	(5.3%)		
		4	3	15	23	31	3.97	1.12
10	Saya membuat kerja rumah Bahasa Melayu menggunakan schoology mengikut jadual.	(5.3%)	(3.9%)	(19.7%)	(30.3%)	(40.8%)		
		8	8	19	22	19	3.47	1.27
		(10.5%)	(10.5%)	(25.0%)	(28.9%)	(25.0%)		
Keseluruhan							3.11	0.72

Dapatan kajian menunjukkan item yang mempunyai kedudukan yang tertinggi ialah pada item sembilan yang mencatatkan ($M= 3.97$, $SP= 1.12$). Item sembilan iaitu 'saya berusaha bersungguh-sungguh agar tidak gagal Bahasa Melayu' 'menunjukkan 23 responden (30.3%) bersetuju dan 15 responden (19.7%) tidak pasti dengan kenyataan ini. Item yang menunjukkan kedudukan ketiga tertinggi ialah item sepuluh yang mencatatkan ($M = 3.474$, $SP= 1.27$). Item sepuluh iaitu 'saya membuat kerja rumah Bahasa Melayu menggunakan Schoology mengikut jadual' menunjukkan 22 responden (28.9%) bersetuju manakala 19 responden (25.0%) tidak pasti dengan kenyataan ini. Seterusnya, item yang mempunyai min terendah ialah item tujuh yang mencatatkan ($M= 1.829$, $SP= .9149$). Seramai 1 responden (1.3%) bersetuju, 17 responden (22.4%) tidak pasti dan 22 responden (28.9%) tidak setuju dengan kenyataan ini. Item yang menunjukkan kedudukan min kedua terendah ialah item enam mencatatkan ($M= 2.697$, $SP= .9644$). Seramai 14 responden (18.4%) bersetuju, 32 responden (42.1%) tidak pasti dan 19 responden (25.0%) tidak setuju dengan kenyataan ini. Secara kesimpulannya, sikap pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital berada pada tahap yang sederhana ($Min\ Purata = 3.11$, $SP = 1.072$).

Pencapaian Pelajar

JADUAL 4.4.1

Tahap Pencapaian Pelajar Sekolah Swasta Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Teknologi Digital

Item	Pernyataan	Skala					Min	Sisihan Piawai
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju		
1	Melalui Schoology, saya mudah untuk belajar Sistem Bahasa.	7 (9.2%)	15 (19.7%)	26 (34.2%)	19 (25.0%)	9 (11.8%)	3.11	1.14
2	Saya mudah belajar KOMSAS melalui Schoology.	8 (10.5%)	12 (15.8%)	32 (42.1%)	16 (21.1%)	8 (10.5%)	3.05	1.11
3	Saya mendapat keputusan yang cemerlang apabila guru membuat ujian topical menggunakan Schoology.	26 (34.2%)	23 (30.3%)	22 (28.9%)	4 (5.3%)	1 (1.3%)	2.09	0.98
4	Saya dapat mempelajari teknik penulisan karangan melalui nota dari Schoology.	7 (9.2%)	7 (9.2%)	30 (39.5%)	25 (32.9%)	7 (9.2%)	3.24	1.06
5	Dengan menggunakan Schoology, saya dapat mengenali unsur sastra seperti puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, prosa moden dan novel dengan lebih dekat lagi.	5 (6.6%)	10 (13.2%)	25 (32.9%)	27 (35.5%)	9 (11.8%)	3.33	1.06
6	Penyampaian guru melalui Schoology memudahkan saya untuk memahami.	3 (3.9%)	6 (7.9%)	21 (27.6%)	31 (40.8%)	15 (19.7%)	3.64	1.02
7	Saya dan rakan-rakan mudah untuk belajar menggunakan Schoology	5 (6.6%)	12 (15.8%)	22 (28.9%)	25 (32.9%)	12 (15.8%)	3.36	1.13
8	Menonton video yang disediakan oleh guru melalui Schoology memudahkan saya untuk memahami Novel.	6 (7.9%)	14 (18.4%)	24 (31.6%)	22 (28.9%)	10 (13.2%)	3.21	1.14
9	Saya dan rakan-rakan	10	13	33	16	4	2.88	1.06

	mudah untuk melakukan kerja kumpulan melalui Schoology.	(13.2%)	(17.1%)	(43.4%)	(21.1%)	(5.3%)		
10	Melalui Schoology, saya dan rakan-rakan mudah untuk membuat pembentangan.	8	19	30	16	3	2.83	1.01
		(10.5%)	(25.0%)	(39.5%)	(21.1%)	(3.9%)		
11	Pengajaran guru sangat merangsang saya untuk berfikir melalui Schoology	1	4	27	34	10	3.63	0.83
		(1.3%)	(5.3%)	(35.5%)	(44.7%)	(13.2%)		
12	Guru sentiasa membuat penerangan yang jelas melalui Schoology.	0	3	15	36	22	4.01	0.81
		(0%)	(3.9%)	(19.7%)	(47.4%)	(28.9%)		
13	Guru sentiasa memberikan kesempatan kepada saya untuk memberikan pandangan, idea dan kreativiti semasa pembelajaran menggunakan Schoology.	0	2	22	30	22	3.95	0.83
		(0%)	(2.6%)	(28.9%)	(39.5%)	(28.9%)		
Keseluruhan							3.26	0.71

Berdasarkan jadual 4.4.1, Item 12 iaitu ‘guru sentiasa membuat penerangan yang jelas melalui Schoology’ mencatatkan min paling tinggi (4.013) di mana terdapat 0% sangat tidak setuju, 3.9% tidak setuju, 19.7% tidak pasti, 47.4% setuju dan 28.9% sangat setuju. Min dan sisihan piawai bagi purata ini ialah (M = 4.013, SP = .8082). Pernyataan seterusnya ialah ‘guru sentiasa memberikan kesempatan kepada saya untuk memberikan pandangan, idea dan kreativiti semasa pembelajaran menggunakan Schoology’ menunjukkan min kedua tertinggi iaitu sebanyak 3.95. Kemudian, pernyataan ini disusuli dengan ‘pengajaran guru sangat merangsang saya untuk berfikir melalui Schoology’. Min dan sisihan piawai bagi item ini ialah (M = 3.63, SP = 0.83). Walau bagaimanapun, item ketiga iaitu ‘saya mendapat keputusan yang cemerlang apabila guru membuat ujian topikal menggunakan Schoology’ mencatat min paling rendah iaitu 2.09 dan sisihan piawainya iaitu .98 di mana 34.2% atau 26 orang sangat tidak setuju, 23 orang atau 30.3% tidak setuju, 28.9% atau 22 orang tidak pasti, 4 orang atau 5.3% setuju dan seorang atau 1.3% sangat setuju. Secara keseluruhannya, pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital berada pada tahap yang sederhana (M = 3.256, SP = .7062).

Perbezaan Sikap Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan

JADUAL 4.5.1

Ujian T-Test Bagi Mengukur Perbezaan Tahap Sikap Antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan Sekolah Swasta dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Teknologi Digital

Independent Samples Test								
Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
							Lower	Upper
.179	.673	-1.586	74	.117	-.3796	.2393	-.8564	.0973
		-1.594	72.066	.115	-.3796	.2380	-.8541	.0950
.119	.731	-1.024	74	.309	-.2591	.2531	-.7635	.2453
		-1.038	73.478	.303	-.2591	.2497	-.7566	.2384
.095	.759	-3.539	74	.001	-.8081	.2284	-1.2631	-.3531
		-3.485	65.736	.001	-.8081	.2319	-1.2711	-.3452
1.436	.235	-2.507	74	.014	-.5518	.2201	-.9905	-.1132
		-2.477	67.008	.016	-.5518	.2227	-.9964	-.1072
.380	.540	-.247	74	.806	-.0630	.2554	-.5719	.4459
		-.245	68.907	.807	-.0630	.2570	-.5757	.4497
1.570	.214	-.885	74	.379	-.1975	.2233	-.6423	.2474
		-.875	67.537	.384	-.1975	.2256	-.6476	.2527
.276	.601	-1.575	74	.120	-.3291	.2090	-.7456	.0873
		-1.594	73.240	.115	-.3291	.2065	-.7407	.0825
.281	.597	-1.083	74	.282	-.2871	.2650	-.8152	.2409
		-1.102	73.782	.274	-.2871	.2606	-.8063	.2321
.000	.995	-1.691	74	.095	-.4314	.2551	-.9396	.0768
		-1.690	70.558	.095	-.4314	.2552	-.9403	.0776
1.195	.278	-.744	74	.459	-.2185	.2938	-.8040	.3670
		-.754	73.523	.453	-.2185	.2897	-.7958	.3588

Merujuk jadual di atas, terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap sikap pelajar swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital iaitu item ketiga dan item keempat dengan nilai $p < 0.05$. Oleh itu, Hipotesis nol bagi kajian ini ditolak.

Perbezaan Pencapaian Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan

JADUAL 4.5.2

Ujian T-Test Bagi Mengukur Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan di Sekolah Swasta dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Teknologi Digital

Independent Samples Test								
Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
							Lower	Upper
.727	.397	-.117	74	.908	-.0308	.2643	-.5575	.4959
		-.118	73.596	.906	-.0308	.2604	-.5498	.4881
1.339	.251	-2.314	74	.023	-.5742	.2481	-1.0686	-.0799
		-2.360	73.934	.021	-.5742	.2433	-1.0591	-.0894
.004	.947	-.498	74	.620	-.1134	.2277	-.5672	.3403
		-.503	72.881	.617	-.1134	.2256	-.5630	.3361
3.575	.063	-.664	74	.509	-.1625	.2447	-.6500	.3251
		-.687	72.975	.494	-.1625	.2364	-.6336	.3086
1.711	.195	-1.802	74	.076	-.4356	.2417	-.9171	.0460
		-1.829	73.589	.071	-.4356	.2381	-.9101	.0390
.250	.619	-.208	74	.836	-.0490	.2359	-.5190	.4210
		-.207	69.512	.837	-.0490	.2369	-.5215	.4235
2.859	.095	-1.039	74	.302	-.2703	.2601	-.7885	.2479
		-1.065	73.974	.290	-.2703	.2538	-.7760	.2354
2.397	.126	-.843	74	.402	-.2213	.2624	-.7441	.3015
		-.859	73.874	.393	-.2213	.2576	-.7346	.2920
.465	.497	-.211	74	.833	-.0518	.2456	-.5412	.4376
		-.214	73.433	.831	-.0518	.2423	-.5348	.4311
.084	.773	-1.657	74	.102	-.3824	.2307	-.8421	.0774
		-1.672	72.732	.099	-.3824	.2287	-.8382	.0735
.001	.977	.145	74	.885	.0280	.1928	-.3561	.4121
		.146	72.054	.884	.0280	.1917	-.3542	.4102
.269	.606	-.696	74	.488	-.1303	.1871	-.5030	.2425
		-.708	73.808	.481	-.1303	.1839	-.4967	.2362
.006	.937	-.334	74	.739	-.0644	.1929	-.4487	.3198
		-.337	72.909	.737	-.0644	.1910	-.4450	.3162

Berdasarkan jadual di atas, ujian t yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap pencapaian kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital iaitu dengan nilai $p < 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol bagi kajian ini diterima.

Hubungan antara Sikap dengan Pencapaian Pelajar

JADUAL 4.5.2

Ujian Korelasi Pearson Bagi Mengukur Hubungan Sikap dan Pencapaian Pelajar di Sekolah Swasta terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Teknologi Digital

		Pencapaian.min	
Sikap.min	Pearson Correlation	1	.801**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	76	76
Pencapaian.mi n	Pearson Correlation	.801**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	76	76

Nilai pekali r (Pearson Correlation) bagi hubungan antara sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital berada pada tahap 0.801, $p=0.000 < 0.01$. Oleh itu, hipotesis bagi hubungan ini ditolak. Terdapat hubungan positif antara sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Nilai pekali r yang tinggi menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara sikap dengan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.

Untuk menjawab soalan kajian 1 dan 2, pengkaji telah menggunakan statistik deskriptif untuk menjelaskan demografi responden, soal selidik berkenaan dengan tahap sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Bagi menjawab soalan kajian 3, pengkaji menggunakan statistik inferensi iaitu dengan menggunakan ujian T-Test untuk melihat perbezaan antara tahap sikap dan pencapaian antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan digital. Selain itu, ujian korelasi Pearson digunakan untuk menjawab soalan kajian 4 iaitu untuk melihat hubungan antara tahap sikap dan pencapaian pelajar lelaki dan pelajar perempuan di sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

Secara kesimpulannya, tahap sikap pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital berada pada tahap yang sederhana. Hal ini berlaku sedemikian kerana aplikasi teknologi digital ini belum diaplikasikan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sehingga mampu menarik sikap dari segi minat dan pengaruh pelajar terhadap subjek ini. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian oleh Azizi, Jaafar Sidek (2006) menyatakan bahawa sikap ialah nilai kepercayaan yang mempengaruhi cara individu bertindak balas pada sesuatu perkara. Tindak balas yang positif ataupun negatif pada objek sosial dipengaruhi oleh sikap. Untuk membentuk sikap pelajar yang positif terhadap Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital, guru juga memainkan peranan yang penting. Hal ini disokong oleh Zamri (2014) yang berpendapat bahawa guru perlu melatih pelajar supaya dapat mencari maklumat dengan sikap yang kritis. Beliau juga mencadangkan kaedah penemuan dan soal siasat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Zamri (2014, 2015) serta Zamri, Ruslin, dan Mohamed Amin (2015) mendapati bahawa strategi pengajaran yang berpusat kepada pelajar seperti kumpulan kecil dan penyelesaian masalah mempunyai korelasi yang signifikan dengan peluang belajar berfikir dalam PdP.

Tahap pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital berada pada tahap yang sederhana. Hal ini berlaku sedemikian kerana pelajar perlu diberi pendedahan tentang penggunaan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Jika diberi galakan yang lebih lagi kepada pelajar, tahap pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi akan berada pada tahap yang lebih tinggi. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan yang diperolehi oleh Azizi dan Jaafar (2006) yang mengatakan guru perlu sentiasa memberi penegasan positif kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Pernyataan ini turut disokong oleh kajian oleh Mardian dan Marniyati (2011) yang mengatakan guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan proses pembelajaran bahasa berjalan dalam suasana yang kondusif dan efektif.

Selain itu, apa yang penting ialah kriteria semula jadi yang perlu ada pada guru yang menjadi penyampai dalam kelas bahasa untuk penutur asing itu. Kajian oleh Jerie dan Zamri (2010) juga menunjukkan sikap dan motivasi yang tinggi dalam kalangan murid Iban ketika mempelajari Bahasa Melayu turut dipengaruhi oleh pernyataan 'saya seronok berkenalan dengan orang Melayu'.

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap sikap antara pelajar lelaki dan perempuan di sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Hal ini dipengaruhi oleh bilangan jantina responden bagi kajian ini. Terdapat kajian perbandingan antara sikap dan motivasi pelajar di sekolah menengah atas di Bandar Lampung terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris dengan Bahasa Indonesia oleh Budiawan (2008) mendapati sikap pelajar lebih gemar mempelajari Bahasa Inggeris daripada Bahasa Indonesia dan responden juga mempunyai motivasi belajar bahasa yang rendah terhadap Bahasa Indonesia. Menurut pengkaji, situasi ini berlaku kerana pengaruh persekitaran, iaitu majoriti pelajar yang belajar di sekolah ini merupakan individu yang berada dalam kelas menengah. Pelajar-pelajar ini lebih terdedah kepada sistem Bahasa Inggeris dan mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati motivasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar yang mempelajari bahasa.

Secara kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap sikap antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Dapatan ini juga sesuai dikaitkan dengan kajian perbandingan antara sikap dan motivasi pelajar di sekolah menengah atas di Bandar Lampung terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris dengan Bahasa Indonesia oleh Budiawan (2008) mendapati sikap pelajar lebih gemar mempelajari Bahasa Inggeris daripada Bahasa Indonesia dan responden juga mempunyai motivasi belajar bahasa yang rendah terhadap Bahasa Indonesia. Hal ini berlaku kerana pengaruh persekitaran, iaitu majoriti pelajar yang belajar di sekolah ini merupakan individu yang berada dalam kelas menengah. Pelajar-pelajar ini lebih terdedah kepada sistem Bahasa Inggeris dan mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati motivasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar yang mempelajari bahasa.

Terdapat hubungan yang positif antara sikap dengan pencapaian pelajar sekolah swasta dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Siti Sukainah dan Melor Md. Yunus (2014) yang merumuskan bahawa sikap yang positif, unsur motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang menentukan pencapaian pelajar bahasa. Kajian yang dilakukan oleh Jerie dan Zamri (2010) yang menunjukkan terdapat hubungan sikap dan motivasi yang tinggi dalam kalangan murid Iban ketika mempelajari Bahasa Melayu turut dipengaruhi oleh pernyataan 'saya seronok berkenalan dengan orang Melayu'. Kajian ini menyokong dapatan kajian Suhaida (2002). Selain daripada pencapaian akademik, proses pengajaran dan pembelajaran juga membawa kesan yang positif kepada hubungan sosial antara kaum, sikap dan minat terhadap pembelajaran. Kesan positif yang dihasilkan oleh pengajaran dan pembelajaran berbantuan teknologi digital mempunyai kepentingan dalam interaksi dan kolaboratif antara murid seperti yang dikemukakan oleh Vygotsky dan Piaget.

Kajian yang dilakukan oleh Norizah Ardi (2005) dibuat untuk melihat sikap dan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar universiti di selatan Thailand yang mengikuti kursus Bahasa Melayu. Kursus ini ditawarkan di universiti sebagai salah satu mata pelajaran bahasa asing. Kaedah soal selidik dan pemerhatian ikut serta telah digunakan untuk mengumpul data. Dalam kajian ini analisis sikap dibuat dari aspek sikap pelajar secara umum terhadap Bahasa Melayu, sebab-sebab pelajar mempelajari Bahasa Melayu dan motivasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan pelajar bersikap amat positif terhadap Bahasa Melayu serta bermotivasi untuk mempelajarinya disebabkan oleh pengaruh persekitaran seperti kesetiaan kepada bahasa nenek moyang mereka. Walau bagaimanapun, kajian mendapati walaupun responden bersikap amat positif terhadap Bahasa Melayu namun dari segi penggunaannya adalah amat terhad. Hal ini adalah disebabkan Bahasa Melayu hanyalah bahasa yang diamalkan oleh kumpulan minoriti sahaja di Thailand yang berperanan dan digunakan dalam urusan hubungan kekeluargaan dan keagamaan sahaja.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Budiawan (2008) pula melihat kepada sikap dan motivasi pelajar di sekolah menengah atas di Bandar Lampung terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia. Seramai 109 orang responden telah dipilih dan data di perolehi menerusi kaedah soal selidik. Dapatan kajian mendapati sikap pelajar lebih menggemari untuk mempelajari Bahasa Inggeris daripada Bahasa Indonesia dan responden juga mempunyai motivasi belajar bahasa yang rendah terhadap Bahasa Indonesia. Menurut pengkaji situasi ini berlaku disebabkan oleh pengaruh persekitaran yang mana kebanyakan pelajar yang belajar di sekolah ini merupakan individu yang berada dalam kelas menengah. Pelajar-pelajar ini lebih terdedah kepada sistem bahasa Inggeris dan mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran (*The Implementation of Fun Learning in Teaching and Learning Malay Language*). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)* 3(2), 49-63.
- A. Razak Ahmad. (2012, April). Kepentingan Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Retrieved from <http://Www.Flashkitech.Com/?p=501> 10 April 2012.
- Asmah Haji Omar. (1992). *The linguistic scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auzar, A. (2012). Keberkesanan Penggunaan Perisian Asas Membaca. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2), 10-13.
- Azizi dan Jaafar Sidek (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Budiawan. (2008). *Pengaruh Sikap Bahasa Dan Motivasi Belajar Bahasa Terhadap Prestasi Pada Mata Pelajaran Bahasa Indonesia Dan Bahasa Inggeris*. Tesis Sarjana, Universitas Indonesia Depok.
- Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Teknik Menyoal Melalui Teknik Penyoalan *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 8-11.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan, Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Fazillah Mohamed Ismail & Tengku Nurhudah T. M. Khalib. (2020). Penggunaan ICT dalam pembelajaran interaksi lisan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 137-149.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: UM Press.
- Hashim Bin Haji Musa. (2004). *Pemeriksaan tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Holmes, J. (2008). *An Introduction to Sociolinguistics*. London, England: Pearson Education Limited.
- Ibrahim, N. H., Yusoff, M. F. M., & Ghazali, N. (2017). Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Pengurusan (SBLM 1053) Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
- Ika Destiana, Ali Salman & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Penerimaan media sosial: kajian dalam kalangan pelajar universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi*, 29(2), 125-140.
- Indhumathy a/p Munusamy. (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Peralihan Di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Skudai*. Laporan projek Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran), Universiti Teknologi Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (2010). Sosiokognitif dan penguasaan pragmatik Bahasa Melayu remaja Malaysia: analisis linguistik. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 19-20.
- Jamilah Hassan & Zamri Mahamod. (2016). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru Bahasa Melayu menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam KOMSAS sekolah menengah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Dan Kesusasteraan Melayu Kali Kelima: 27- 40, 30 April 2021*, Fakulti Pendidikan UKM, Bangi.
- Kamil, I. M. M., & Mohamad, M. (2020). Cabaran pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam usaha mencapai bangsa di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 181-191.
- Ku Hasnan Ku Halim. (2012). *Membugar Harapan Pemersatuan Atau Menanti Masa Ditalkinkan Atas Nama Bernegara? Di Mana Bahasa Melayu Dalam Pemupukan Jati Diri Bangsa Setelah 55 Tahun Merdeka*. Jabatan Pengajian Kemanusiaan: Universiti Tun Hussein Onn.
- Le Yee, Chew; Mohamed, Suziyani. (2021). Kemahiran guru daam mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pembelajaran di prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 44-53.
- Mahzan Arshad. (2008, Julai 16). Bahasa - minat murid dan guru bercanggah. (Atas Talian), dari <http://www.ppdjasin.edu.my/IsuMenarik/IsuMenarik>.
- Mardian Shah Omar & Marniyati Mohd. Nor (2011). Meningkatkan dan memperkasa pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di IPTS. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Mat Isa, N. S., & Mahamod, Z. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah Bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran tinggi berasaskan Komsas. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 93-107. <https://doi.org/10.37231/Apj.2021.4.1.255>
- Mohd Rusli, N. F., Che Ibrahim, N. F. S., Shaari, M. R., & Nallaluthan, K. (2021). Persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 15-24.
- Mok Song Sang. (2010). *Psikologi pendidikan dan pedagogi murid dan alam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Munohsamy, Thulasimani. (2014). Integrasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan. *Jurnal IPA*, 23(1), 15-16.
- Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. (2021). Persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 15-24. Retrieved from <https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.01.003>
- Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff & Norzaliza Ghazali. (2017). Multimedia interaktif mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu pengurusan (Sblm 1053) dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 583-586*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Retrieved from <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>
- Putra, C.A. (2018). Pemanfaatan teknologi multimedia untuk instruksional. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 5, 1-8.
- Saraswathy a/p Pormalu @ Perumal, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam A/L Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari, & Husna Hidayah Mansor. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 5(1), 45–55.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu 1*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. (2014). Attitudes and motivation towards learning English among FELDA school students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(5), 1-8.
- Smaldino, S.E., Russell, J., Heinich, R., & Molenda, M. (2004). *Instructional technology and media for learning (8th ed.)*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.
- Suhaida Abdul Kadir. (2002). *Perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep sendiri akademik dan hubungan sosial dalam pendidikan perakaunan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 134, 408-415.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu (Cetakan Ketiga)*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.